



**GARIS PANDUAN PASCA DOKTORAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (PINDAAN 1 TAHUN 2021)**

## KANDUNGAN

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.0	Bahagian 1	
1.1	Latar Belakang	3
1.2	Tujuan	3
1.3	Skim Kelayakan Pemohon	3
1.4	Bidang Tugas	4
1.5	Syarat Skim Perkhidmatan Penyelidik Pasca Doktorat	5
1.6	Kelayakan Penyelia	5
1.7	Kriteria Pemilihan Calon	6
1.8	Penerbitan, Hak Harta Intelek Dan Hasil Pengkomersilan (Royalti)	6
1.9	Panduan Umum	7
1.10	Keperluan Dokumen	8
2.0	Bahagian 2	
2.1	Perlaksanaan Projek Penyelidikan	8
3.0	Bahagian 3	
3.1	Pemberitahuan Keputusan Dan Dokumen Perjanjian	9
3.2	Permohonan Permit/ Visa Profesional	9
4.0	Bahagian 4	
4.1	Tanggungjawab Penyelidik Pasca Doktorat	10
4.2	Penyelidik Berhenti Bertugas Di Ums/ Berpindah Universiti	10
5.0	Bahagian 5	
5.1	Keperluan Dokumen Untuk Permohonan Visa	10
5.2	Keperluan Dokumen Untuk Melaporkan Diri Di Fakulti / Pusat / Institut	11
5.3	Keperluan Dokumen Untuk Melaporkan Diri Di Jabatan Pendaftar	9
	Carta Alir Permohonan Pasca Doktorat	11
	Lampiran 2	
	Bidang Tugas dan Keahlian Jawatankuasa Pernilih Pasca Doktorat	12

## 1.0 BAHAGIAN 1

### 1.1 Latar Belakang

- a. Garis Panduan Pasca Doktor ini disediakan bagi membantu Fakulti/Pusat/Institut mengemukakan permohonan dengan lebih mudah untuk melantik lepasan doktor falsafah (Pasca Doktor) yang akan menjalankan penyelidikan sepenuh masa.
- b. Garis Panduan ini adalah penambahbaikan kepada Garis Panduan Pasca Doktor UMS yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah kali ke-49 pada 14 November 2011 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah kali ke -65 pada 17 Mac 2015.

### 1.2 Tujuan

Skim ini bertujuan untuk:

- a. melonjakkan tahap pencapaian penyelidikan universiti ke peringkat atau kedudukan yang lebih tinggi; dan
- b. memantapkan tujahan penyelidikan serta kumpulan penyelidik menerusi pelantikan berterusan Penyelidik Pasca Doktor dan diharap dapat menyumbang kepada peningkatan penyelidikan dalam bidang-bidang keutamaan negara.

### 1.3 Syarat Kelayakan Pemohon

- a. Terbuka kepada penyelidik warganegara Malaysia yang telah mempunyai Ijazah Sarjana dan PhD tidak melebihi 10 tahun;
- b. Terbuka kepada penyelidik warga asing yang telah mempunyai ijazah PhD dari universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia tidak melebihi 10 tahun;
- c. Tempoh pelantikan adalah dari 1 hingga 2 tahun dan tempoh maksimum 3 tahun bergantung kepada prestasi;

- d. Pemohon telah menerbitkan kertas penerbitan dalam CIJ iaitu sekurang-kurangnya mempunyai:
  - i. Bidang Sains dan Teknologi  
Lima (5) kertas penerbitan; iaitu dua (2) daripadanya adalah dalam Q1 - Q3
  - ii. Bidang Sains Sosial  
Tiga (3) kertas Penerbitan; iaitu satu daripadanya adalah dalam Q1 - Q3
- e. Imbuhan bulanan yang diberikan kepada calon adalah berdasarkan kepada pengalaman penyelidikan, penerbitan dan pertimbangan Jawatankuasa Pemilih Pasca Doktorat Universiti Malaysia Sabah
- f. Pemohon hendaklah mengenalpasti penyelia dalam bidang penyelidikan di FPI terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan.
- g. Pemohon mestilah mempunyai tahap kesihatan yang baik dan bebas daripada sebarang penyakit berjangkit dan penyakit kronik.

#### 1.4 Bidang tugas dan tanggungjawab Penyelidik Pasca Doktorat

##### 1.4.1 Tugas dan tanggungjawab Penyelidik Pasca Doktorat adalah seperti berikut

- i. Menjalankan kerja penyelidikan sepenuh masa dalam projek yang dikenal pasti atau yang sedia ada di Fakulti / Pusat / Institut;
- ii. Menghasilkan sekurang-kurangnya 2 penerbitan setahun dalam jurnal berimpak (Q1 -Q3)
- iii. Membantu mempromosi dan membangunkan pengkomersilan hasil penyelidikan;
- iv. Membantu membangunkan jaringan / rangkaian penyelidikan dengan pihak luar.
- v. Menyediakan cadangan penyelidikan
- vi. Membantu menyelia pelajar pasca siswazah.

- 1.4.2 Tugas dan tanggungjawab penyelidik pasca Doktoral adalah mengikut petunjuk prestasi semasa yang ditetapkan oleh pihak FPI;
- 1.4.3 Tugas penyelidik pasca Doktoral adalah sepenuh masa dan tidak dibenarkan membuat kerja lain serta memegang apa-apa tugas luar tanpa kelulusan FPI supaya pegawai menumpukan sepenuh masa di dalam tugas penyelidikan yang dijalankan.
- 1.4.4 Penyelidik Pasca Doktoral yang ditugaskan menjalankan kerja penyelidikan tertentu dikehendaki menyerahkan penemuan dan hasil penyelidikannya di dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 1.4.5 Penyelidik Pasca Doktoral yang melapor diri secara atas talian di negara asal diwajibkan menghasilkan empat (4) penerbitan jurnal berindeks dalam Q1 setiap tahun.
- 1.4.6 Pemantauan secara berkala perlu dilaksanakan oleh Penyelia dengan mendapatkan progres penyediaan manuskrip yang dihasilkan oleh Penyelidik Pasca Doktoral menggunakan borang (UMS/PPI/PD/PPD/BR3) dan diperakukan oleh Dekan/Pengarah sebelum dimajukan kepada pihak PPPI untuk pengesahan dan pembayaran gaji.
- 1.5. Penyelidik Pasca Doktoral yang ditugaskan menjalankan kerja penyelidikan tertentu dikehendaki menyerahkan penemuan dan hasil penyelidikannya di dalam tempoh masa Syarat Skim Perkhidmatan Penyelidik Pasca Doktoral adalah seperti berikut:
- i. Nama jawatan : Penyelidik Pasca Doktoral;
  - ii. Terma lantikan : Sepenuh masa;
  - iii. Taraf lantikan : Kontrak;
  - iv. Tempoh : 1 —2 tahun dan boleh dilanjutkan sehingga 3
  - v. tahun, Imbuhan bulanan berdasarkan berikut

<b>Gred</b>	<b>Gaji (RM)</b>
PDUMS10	RM5,000 sehingga RM5,999
PDUMS9	RM6,000 sehingga RM6,499
PDUMS8	6,500

Imbuhan/gaji dan elaun boleh dikaji semula oleh Jawatankuasa Pemilih Pasca Doktoral UMS berdasarkan penetapan minimum mengikut gred yang ditawarkan ke satu jumlah yang difikirkan layak dalam ketetapan maximum yang ditawarkan mengikut gred jawatan.

Penetapan imbuhan /gaji dan elaun permulaan boleh dipertimbangkan berdasarkan kepada bilangan penerbitan keseluruhan dalam CIJ yang diterbitkan sekurang-kurangnya seperti berikut:

<b>Gred</b>	<b>Bil.Penerbitan</b>
PDUMS10	5 CIJ (Bidang Sains dan teknologi) 3 CIJ (Bidang sains sosial)
PDUMS9	10 CIJ (Bidang Sains dan teknologi) 6 CIJ (Bidang sains sosial)
PDUMS8	15 CIJ (Bidang Sains dan teknologi) 9 CIJ (Bidang sains sosial)

Calon hendaklah sekurang-kurangnya menerbitkan 40% kertas penerbitan dalam Q1-Q3

- i. Kemudahan Perubatan- Untuk diri sendiri sahaja, sama ada di Klinik Panel atau Hospital Kerajaan;
- ii. Kemudahan Tambang Penerbangan : Tambang termurah 1 kali sahaja (pergi-balik) sepanjang tempoh perkhidmatan untuk diri sendiri sahaja;
- iii. Pembiayaan kos visa dan permit kerja (untuk diri sendiri sahaja);
- iv. Kemudahan Cuti : 25 hari setahun;
- v. Urusan imigresen oleh Jabatan Pendaftar;
- vi. Lulus pemeriksaan kesihatan atas pembiayaan sendiri;
- vii. Kemudahan pejabat oleh Fakulti / Pusat / Institut;
- xii. Kad Pekerja
- xv. Kemudahan Perpustakaan

#### 1.6 Kriteria Kelayakan Penyelia

- a. Mempunyai geran penyelidikan yang aktif yang diluluskan berjumlah RM100,000 dan ke atas bagi bidang Sains dan Teknologi, atau RM50, 000 dan ke atas bagi bidang Sains Sosial.
- b. Keutamaan diberikan kepada projek penyelidikan dari dana luar (swasta dan antarabangsa), MOSTI atau KPT;
- c. Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) orang pelajar PhD yang telah bergraduasi (sebagai penyelia utama);

- d. Penyelia harus mempunyai pelajar Sarjana / Master atau Ijazah Doktor Falsafah / PhD semasa pelantikan Penyelidik Pasca Doktorat kerana Penyelidik Pasca Doktorat adalah bertujuan untuk membantu dalam bidang penyelidikan yang tidak mempunyai kepakaran di UMS;
- e. Menerbitkan kertas penerbitan dalam CIJ bagi tempoh lima tahun ke belakang iaitu sekurang-kurangnya telah menerbitkan 10 hingga 15 kertas penerbitan (sekurang-kurangnya 40% daripadanya adalah sebagai Penulis Penghubung, *Corresponding Author*).

#### 1.7 Kriteria Pemilihan Calon

Pemilihan calon akan berdasarkan kepada kriteria berikut:

- a. Kelulusan / pencapaian akademik hendaklah mempunyai kelulusan Doktor Falsafah yang baik berasaskan hasil penyelidikan;
- b. Penyelidikan - mempunyai prestasi penyelidikan yang cemerlang;
- c. Pengetahuan dan pengalaman dalam bidang penyelidikan bidang tujahan yang berkaitan;
- d. Penerbitan — diukur melalui penghasilan buku dan artikel dalam jurnal berimpak tinggi (CIJ).

Pemohon telah menerbitkan kertas penerbitan dalam CIJ iaitu sekurang- kurangnya mempunyai:

##### i. Bidang Sains dan Teknologi

Lima (5) kertas penerbitan; iaitu dua (2) daripadanya adalah dalam Q1 - Q3

##### ii. Bidang Sains Sosial

Tiga (3) kertas Penerbitan; iaitu satu daripadanya adalah dalam Q1- Q3

#### 1.8 Penerbitan, Hak Harta Intelek dan Hasil Pengkomersialan (Royalti)

- a. Penerbitan  
Semua hasil penerbitan penyelidik Pasca Doktorat hendaklah dimasukkan

nama universiti sebagai penggabungan (*affiliation*) dan diterbitkan bersama penyelia. Hasil penyelidikan adalah menjadi hak mutlak universiti.

b. Hak Harta Intelek

Hak permilikan Harta Intelek adalah hak milik UMS. Penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelek sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa. Garis Panduan Harta Intelek di UMS boleh diguna pakai. Namun begitu segala perbelanjaan bagi perlindungan Harta Intelek adalah di bawah tanggungjawab UMS.

c. Hasil Pengkomersilan (Royalti)

Hasil pengkomersilan perlulah diagihkan mengikut Polisi Pengkomersilan sedia ada di UMS. Rujuk Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, UMS berhubung dengan perkara ini.

## 1.9 Panduan Umum

- a. Borang Permohonan Penyelidik Pasca Doktorat (UMS/PPPI/PD/PPD/BR1) boleh dimuat turun melalui laman web PPPI pada ruangan DOWNLOAD;
- b. Bagi permohonan bukan warganegara Malaysia (jika perlu) perlu menunjukkan bukti kecekapan dalam Bahasa Inggeris melalui TOEFL (skor minimum 600) dan IELTS (purata skor minimum 6.5);
- c. Pihak PPPI/Fakulti / Pusat / Institut akan menyemak setiap permohonan bagi memastikan semua dokumen yang diperlukan lengkap dan mencukupi;
- d. Permohonan hendaklah diluluskan oleh Dekan sebelum dihantar ke PPPI;
- e. Seterusnya permohonan akan dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Pemilih Penyelidik Pasca Doktorat UMS yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) untuk kelulusan. Jika perlu pihak Fakulti /Pusat/Institut akan dijemput hadir ke mesyuarat ini untuk memperincikan keperluan pelantikan dan kelayakan calon yang berkenaan. Sila rujuk Lampiran 2 bagi terma bidang tugas dan keahlian Jawatankuasa;
- f. Surat tawaran, borang perjanjian dan syarat-syarat perkhidmatan akan dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftar kepada pemohon yang



berjaya;

- g. Penyelidik Pasca Doktorat perlu memberi jawapan setuju terima tawaran lantikan dalam tempoh 4 minggu dari surat tawaran yang dikeluarkan Jabatan Pendaftar;
- h. Penyelidik Pasca Doktorat hendaklah mengisi Borang Penilaian Prestasi Penyelidik Pasca Doktorat (UMS/PPPI/PD/PPP/BR2) bagi tujuan penilaian prestasi penyelidik dan permohonan melanjutkan tempoh pelantikan. Borang dan permohonan hendaklah dimajukan ke PPPI tiga (3) bulan sebelum tarikh lantikan tamat;
- i. Penyelidik Pasca Doktorat yang menjalankan tugas di negara asal hendaklah memenuhi KPI penerbitan yang telah ditetapkan
- j. Pihak PPPI berhak untuk meminta dokumen / laporan tambahan berkaitan prestasi calon Pasca Doktorat sepanjang berkhidmat di UMS;

Permohonan pelanjutan tempoh pelantikan akan dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Pemilih Penyelidik Pasca Doktorat UMS untuk kelulusan.

#### 1.10 Keperluan Dokumen

- a. Dokumen wajib yang perlu disediakan semasa permohonan ialah:
  - i. Salinan Kad pengenalan bagi warganegara Malaysia;
  - ii. Salinan pasport (muka surat yang mengesahkan nombor pasport) bagi bukan warganegara Malaysia;
  - iii. Gambar bersaiz pasport bemarna yang terkini (2 keping);
  - iv. Sijil-sijil akademik (Ijazah Sarjana / Ijazah Doktor Falsafah / surat kelulusan senat);
  - v. *Curriculum Vitae* pemohon calon Penyelidik Pasca Doktorat dikehendaki mengemukakan senarai penerbitan (jurnal / artikel / tesis) dan butir-butir pengalaman bekerja / penyelidikan;
  - vi. Cadangan penyelidikan untuk tempoh 2 tahun (mengandungi Objektif; Metodologi; Pelan Kerja; Jangkaan Hasil Penyelidikan);
- b. Semua pengesahan salinan fotokopi dokumen mestilah dibuat oleh

pihak Universiti atau mana-mana Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Permohonan dibuka sepanjang tahun dan tertakluk kepada peruntukan universiti.

## **2.0 BAHAGIAN 2**

### **2.1 Pelaksanaan Projek Penyelidikan dan petunjuk prestasi**

- a. Penyelidik Pasca Doktorat yang telah dilantik hendaklah menjalankan penyelidikan sebagaimana cadangan penyelidikan (*research proposal*) yang dikemukakan dan dipersetujui oleh penyelia serta mengikuti jadual tempoh pelaksanaannya;
- b. Penyelidik Pasca Doktorat hendaklah mencapai petunjuk prestasi yang telah ditetapkan bagi tempoh kontrak yang disempurnakan seperti Lampiran A;
- c. Laporan petunjuk prestasi hendaklah dikemukakan oleh FPI satu bulan sebelum tamat kontrak perkhidmatan Penyelidik Pasca Doktorat (sekiranya tiada permohonan perlantikan semula dikemukakan);
- d. Laporan petunjuk prestasi adalah pengukuran yang digunakan untuk dipertimbangkan bagi permohonan perlantikan semula (sekiranya ada);
- e. Sekiranya KPI yang telah diberikan tidak tercapai, maka pihak universiti boleh untuk tidak menyambung perkhidmatan penyelidik Pasca Doktorat;
- f. Data penyelidikan yang telah digunakan perlu dikembalikan kepada pihak universiti.

## **3.0 BAHAGIAN 3**

### **3.1 Pemberitahuan Keputusan dan Dokumen Perjanjian**

- a. Keputusan permohonan lantikan Penyelidik Pasca Doktorat akan

dimaklumkan kepada calon dan penyelia melalui Dekan / Pengarah Fakulti / Pusat / Institut yang berkenaan. Satu salinan surat tawaran dan perjanjian akan dimajukan kepada Penyelia Projek, Pejabat Dekan/Pengarah Fakulti / Pusat / Institut, Jabatan Bendahari dan PPPI UMS;

- b. Penyelidik Pasca Doktorat diminta memahami dan bersetuju dengan syarat yang telah dinyatakan dalam surat tawaran dengan mengisi Borang Persetujuan bagi memaklumkan penerimaan dan hendaklah dikembalikan ke PPPI untuk tindakan selanjutnya;
- c. Pembayaran imbuhan akan dibuat oleh Bendahari UMS pada setiap bulan bekerja berdasarkan surat arahan bayaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftar;
- d. Pembayaran imbuhan akan diberhentikan apabila khidmat Penyelidik Pasca Doktorat ditamatkan atau tempoh pembiayaannya telah berakhir;
- e. Tertakluk kepada persetujuan dan kelulusan oleh pihak pengurusan Fakulti / Pusat / Institut, imbuhan dan kemudahan lain yang berkaitan seperti pengangkutan dan perjalanan boleh dipertimbangkan untuk diberi kepada Penyelidik Pasca Doktorat sebagai insentif tambahan dari Fakulti / Pusat /
- f. Institut sendiri walau pun perkara ini tidak dimasukkan di dalam butiran peruntukan geran projek penyelidikan penyelia boleh digunakan untuk menampung keperluan kos dan kemudahan penyelidikan yang diperlukan untuk Penyelidik Pasca Doktorat.

### 3.2 Permohonan Permit / Visa Profesional

Permohonan permit / visa profesional akan dibantu oleh Jabatan Pendaftar dengan mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan bagi urusan yang berkenaan.

## **4.0 BAHAGIAN 4**

### 4.1 Tanggungjawab Penyelidik Pasca Doktorat

Berikut adalah tanggungjawab Penyelidik Pasca Doktorat berhubung dengan pelantikannya:

- a. memaklumkan Jabatan Pendaftar mengenai penerimaan lantikan dengan mengembalikan Surat Penerimaan Lantikan yang disertakan bersama Surat Tawaran Lantikan;
- b. Menandatangani Post-Doctoral/ *Research Agreement*;
- c. Memastikan penerimaan ijazah Ph.D dan visa/permit pekerjaan sebelum melaporkan diri untuk mula bertugas di Fakulti/Pusa/Institut (warga asing sahaja);
- d. Mematuhi butir-butir peraturan dan perjanjian yang ditandatangani di antara Penyelidik Pasca Doktorat dengan pihak universiti;
- e. Tidak dibenarkan mengemukakan apa-apa tuntutan / bayaran kepada pihak universiti selain bayaran yang dipersetujui dalam surat tawaran pelantikan.

#### 4.2 Penyelidik Berhenti Bertugas di UMS/ Berpindah Universiti

Penyelidik hendaklah memberi 1 bulan notis pemberitahuan berhenti kepada Jabatan Pendaftar melalui penyelia dan Dekan/Pengarah Fakulti/Pusat/Institut atau membayar 1 bulan imbuhan.

## 5.0 BAHAGIAN 5

### 5.1 Kaedah lapor diri Pasca Doktorat secara bersemuka:

- a) Keperluan dokumen untuk permohonan Visa
  - i. Surat Tawaran yang ditandatangani Pendaftar, UMS;
  - ii. Surat Akuan Penerimaan Tawaran Pekerjaan;
  - iii. Post-Doctoral Research Agreement\* (dua salinan) yang telah ditandatangani dan dimatikan setem; dan
  - iv. Pasport yang mempunyai tempoh sah laku sekurang-kurangnya setahun.

\*Perlu mendapat tandatangan Pendaftar.

- b) Keperluan dokumen untuk lapor diri di Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar
- i. Pasport yang telah mendapat pelekat visa profesional;
  - ii. Post-Doctoral/Research Agreement;
  - iii. Borang Pemeriksaan Kesihatan;
  - iv. Borang Akuan Kerahsiaan dan Borang Akuan Sumpah yang telah ditandatangani oleh Pesuruhjaya Sumpah;
  - v. Borang Kredit Saraan;
  - vi. Penyata KWSP dan Cukai Pendapatan (jika berkenaan); dan
  - vii. Guidelines for Reporting Duty for New Appointee/Officer yang telah dilengkapkan.
- c) Keperluan dokumen untuk lapor diri di Fakulti/Pusat/Institut:
- i. Paspot yang telah mendapat pelekat visa profesional;
  - ii. Borang Aku Janji (perlu dilengkapkan dihadapan Ketua Jabatan dan satu (1) dikembalikan kepada BSM)
  - iii. *Post-Doctoral Research Agreement*; dan
  - iv. *Guidelines for Reporting Duty for New Appointee/Officer*.

## 5.2 Kaedah lapor diri Pasca Doktoral secara atas talian:


- a) Keperluan dokumen untuk lapor diri di Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar secara atas talian:
- i. Surat Akuan Penerimaan Tawaran Pekerjaan;
  - ii. Borang Maklumat Kakitangan yang telah dilengkapkan;
  - iii. *Guidelines for Reporting Duty for New Appointee/Officer* yang telah dilengkapkan; dan
  - iv. Salinan penyata akaun dan maklumat *swift code* (untuk tujuan bayaran secara *Telegraphic Transfer*).

Dokumen-dokumen lain perlu dikemukakan kepada Bahagian Sumber Manusia selepas calon memasuki atau dibenarkan memasuki negeri Sabah:

- i. Pasport yang telah mendapat pelekat visa profesional;
- ii. Post-Doctoral/Research Agreement;
- iii. Borang Pemeriksaan Kesihatan;

- iv. Borang Akuan Kerahsiaan dan Borang Akuan Sumpah yang telah ditandatangani oleh Pesuruhjaya Sumpah;
  - v. Borang Kredit Saraan (akaun bank tempatan Maybank/CIMB); dan
  - vi. Penyata KWSP dan Cukai Pendapatan (jika berkenaan).
- b) Keperluan dokumen untuk lapor diri di Fakulti/Pusat/Institut:
- i. *Guidelines for Reporting Duty for New Appointee/Officer*; dan
  - ii. Borang pengesahan lapor diri (dilengkapkan oleh Penyelia dan disahkan oleh Dekan/Pengarah di FPI masing-masing).

**CARTA ALIR PERMOHONAN PENYELIDIK PASCA DOKTORAL UMS**



**BIDANG TUGAS DAN KEAHLIAN JAWATANKUASA PEMILIH PASCA  
DOKTORAL UMS**

**Bidang Tugas**

- a. Mengesahkan kelayakan calon dari segi kapakaran penyelidikan;
- b. Keperluan kepakaran calon serta sumbangan kepada tujahan penyelidikan universiti;
- c. Menentukan kategori bayaran emolumen Penyelidik Pasca Doktorat

**Keahlian Jawatankuasa**

- a. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- b. Bendahari atau wakil
- c. Pendaftar atau wakil
- d. Pengarah, Pusat Penyelidikan dan Inovasi
- e. Pakar yang berkaitan dengan bidang penyelidikan calon Penyelidik Pasca Doktorat
- f. Dekan (jika perlu)

Nota Pelantikan bilangan pakar dalam bidang berkaitan bergantung kepada keperluan permohonan (boleh lebih dari seorang).